

JANGAN CUBA TIPU VIETNAM — DR. MAHATHIR

BANDAR RAYA
HO CHI MINH
23 April — Kerajaan
Malaysia tidak akan
melindungi ahli-ahli
perniagaannya yang
cuba menipu dalam
menjalankan pernia-
gaan dengan
Vietnam untuk men-
dapat keuntungan
cepat.

Di dalam memberi amaran ini, Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, "mereka yang berbuat demikian akan dihantar balik ke Vietnam untuk menghadapi tindakan di bawah undang-undang negara ini."

Beliau menegaskan bahawa orang Vietnam mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap orang Malaysia. Oleh itu,



ZAINUDDIN MAIDIN

MELAPORKAN DARI
BANDAR RAYA HO CHI MINH

jangan ada sesiapa cuba mencari keuntungan cepat sehingga sanggup menipu.

Beliau mahukan supaya perhubungan dan penanaman modal Malaysia di negara ini dianggap oleh semua pihak di Malaysia sebagai sesuatu yang kekal.

Beliau menyatakan demikian ketika bercakap dalam persidangan akhbar khusus untuk wartawan Malaysia apabila ditanya tentang kemungkinan ada ahli perniagaan Malaysia yang cuba menjual barang-barang buruk sebagai barang baru kepada Vietnam yang masih baru dalam dunia perniagaan bebas.

Dr. Mahathir berkata, ada kemungkinan perkara ini berlaku dan itulah sebabnya beliau telah pun mengingatkan ahli-ahli perniagaan Malaysia sebelum tiba di sini supaya jangan melakukan perkara-perkara yang boleh menyinggung perasaan orang-orang Vietnam.

"Kiranya ada di antara kita yang cuba menipu, maka ia akan memberi kesan buruk kepada kita. Maka amat penting kita tidak menipu sesiapa.

"Kalau ada yang melakukannya, kita akan mengambil

LIHAT MUKA 2

JANGAN CUBA TIPU VIETNAM — DR. MAHATHIR

tindakan, kita akan hanjar balik mereka ke sini untuk menghadapi tindakan di negara ini," tegasnya.

Dr. Mahathir juga menyatakan keyakinan bahawa Malaysia akan dapat bersaing dengan negara-negara lain di dalam menjalankan kegiatan perniagaan di Vietnam sekalipun Malaysia sekarang berada pada nombor sebelas dari sejumlah 34 negara asing yang membuat pelaburan di negara ini.

Katanya, Malaysia mempunyai kelebihan dari negara-negara lain kerana Vietnam menganggap Malaysia sebagai contoh yang lebih tepat kepada pembangunan negara mereka dan mereka lebih cenderung kepada kita.

"Walaupun kita ketinggalan, tetapi kita akan dapat bersaing dan setanding dengan negara-negara lain," katanya.

Menurut Dr. Mahathir lagi ahli-ahli perniagaan dari negara-negara lain datang ke sini dengan usaha mereka sendiri, tetapi kita memberikan sokongan kepada ahli-ahli perniagaan kita.

Ketika ditanya berapa lamakah ahli-ahli perniagaan kita akan terus bergantung kepada kerajaan, Dr. Mahathir berkata, "inilah salah satu faktor yang menyebabkan kelewatan kedatangan ahli-ahli perniagaan kita ke negara ini.

"Mereka menunggu dorongan kerajaan sehingga ada barang-barang buatan Malaysia yang dieksport ke negara ini menerusi negara jiran," katanya.

Bagaimanapun menurut Per-

dana Menteri, akhir-akhir ini telah nampak perubahan sikap peniaga dan pengusaha Malaysia. Mereka mula sanggup keluar mencari pasaran di Indo-China dan lain-lain malah ada yang ke Angola walaupun kerajaan belum pergi.

Beliau juga melihat sistem sosialis yang masih ada di Vietnam tidak akan menjadi penghalang kepada kegiatan ekonomi pasaran di negara ini, kerana Vietnam sendiri sudah tidak percaya sistem ekonomi Soviet Union akan berjaya malah menyebabkan kemerosotan ekonomi.

"Mereka menerima konsep pasaran terbuka, tetapi mereka belum mempunyai pengalaman, tiada perintis dan pengurus yang cekap.

"Pokoknya mereka sedar dan sedang berusaha untuk meningkatkan kemampuan mereka," katanya.

Daripada segi politik pula, Dr. Mahathir melihat bahawa sekalipun pemerintahan satu parti yang masih wujud di negara ini tidak memberi kuasa kepada seseorang menjadi diketator, tetapi berbagai peringkat jawatankuasa pemerintahan telah menyebabkan kelewatan dalam membuat keputusan.

Dr. Mahathir juga tidak melihat soal tidak boleh memiliki tanah di bawah undang-undang Vietnam sebagai suatu halangan kepada peniaga-peniaga Malaysia.

"Kita harus ingat sekalipun undang-undang ini masih wujud, tetapi ramai pelabur-pelabur asing yang telah pun datang ke sini dan memiliki tanah." uarnya.

Beliau berkata, tidak jauh bezanya undang-undang ini dengan Malaysia. Di Malaysia juga kita tidak lagi memberikan hak milik tetap sebaliknya memberikan pajakan setinggi-tingginya 99 tahun.

"Perbezaannya ialah mereka hanya memberikan dari 15 tahun kepada 30 tahun dan sehabis lama ialah 50 tahun, tetapi tidak boleh dijual kepada orang lain untuk mengelakkan dari berlaku spekulasi dan bagi memastikan siapa yang mendapat tanah menggunakannya," tambahnya.

Dr. Mahathir yang akan menamatkan lawatan lima harinya ke sini esok telah menyifatkan lawatannya itu sebagai berjaya dari semua aspek kerajaan dan swasta.

Antara lain tiga kejayaan yang disebutkan oleh beliau ialah:

+ Dalam masalah perhubungan dua hala dan antara-bangsa, kedua pihak bersetuju untuk menyelesaikan semua masalah yang timbul menerusi rundingan.

+ Dapat mengenali cara Malaysia boleh memainkan peranan membantu Vietnam di dalam pembangunan semula selepas perang.

+ Kerajaan dapat mengenal-pasti latihan dan bantuan yang boleh diberikan kepada Vietnam dan swasta pula dapat mengenal pasti projek-projek usahasama dengan agensi Vietnam.